

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 32 RABU 6 JULAI 1969 1389 جمادي الاول رابو 22 PERCHUMA

D.Y.T.M. PADUKA SERI BAGAWAN SULTAN RASMIKAN SEMINAR PENDIDIKAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Seminar Pendidikan yang berlangsung di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah pada hari Jumaat, 1 Ogos yang baru lalu.

Majlis pembukaan rasmi tersebut telah berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah itu dengan di-hadiri oleh kira2 200 orang peserta seminar yang terdiri dari perwakilan persatuan2 belia seluruh negeri, guru2, penuntut2 dan orang2 persaorangan.

Di-antara yang menghadiri majlis pembukaan rasmi itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Berhormat Penolong2 Menteri dan jemputan2 khas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan telah menyampaikan sabda nasihat dan puanda kepada peserta2 seminar khas-nya dan untuk renongan raayat negeri ini, terutama mengenai dengan hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk meninggikan taraf pendidikan di-negeri ini. (Sabda Duli Yang Teramat Mulia itu di-siarkan sa-penoh-nya di-muka 3).

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin di-samping menyatakan penghargaan yang satinggi2-nya terhadap keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia bagi merasmikan pembukaan seminar itu telah juga menyatakan tujuan pokok seminar tersebut di-adakan.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja menyatakan bahawa seminar yang julong2 kali di-adakan itu

ada-lah bertujuan untuk membina-changkan dan meninjau dengan penoh kejujuran akan masaalah2 pendidikan dan pelajaran negeri ini berserta dengan hubungan-nya dengan belia2 hari ini dan masa2 yang akan datang.

"Majlis Belia2 berusaha sa-daya upaya bagi menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang membuat seruan agar raayat Baginda, khas-nya kumpulan2 intelek yang jujur laila amanah merenongkan dan membina-changkan kalimat yang menekankan Islam sa-bagai satu chara hidup yang sempurna".

Beliau menyatakan bahawa memperkatakan Islam sa-bagai satu chara hidup yang sempurna tidak-lah terkeluar daripada memper-bina-changkan masaalah2 pendidikan dan pelajaran.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja telah juga menyebut tarikh pembukaan seminar itu sa-bagai satu tarikh yang bersejarah ia-itu tarikh ulang tahun yang pertama bagi memperingati Istiadat Kepus-paan Baginda pada 1 Ogos tahun lepas.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan doa selamat oleh Yang Di-Muliakan Bagawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Matyassin.

Sa-banyak 8 kertas kerja telah di-bina-changkan dalam seminar yang berlangsung sa-lama tiga hari itu antara-nya bertajok Dasar Pelajaran di-Brunei, kelemahan pelajaran2 Melayu dalam peperiksaan, pelajaran sains di-sekolah2 rendah dan menengah Melayu dan pengajaran Bahasa Melayu di-sekolah2.

Rumusan seminar tersebut telah di-sampaikan oleh Pengerusi Seminar, Awang Yahya bin Haji Ibrahim kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam majlis penutup seminar dan Malam Budaya yang berlangsung pada malam hari Ahad lepas di-Dewan Raya.

Dalam majlis penutup itu, Yang Berhormat Menteri Besar telah memberikan ucapan penghargaan beliau terhadap seminar tersebut. (Ucapan beliau sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 4).

Dalam pertunjokan Malam Budaya itu berbagai2 acara yang menggambarkan kebudayaan Orang2 Brunei termasuk Istiadat Pengantin Bersanding chara lama, tarian2 asli dan nyanyian2 asli telah di-pentaskan.

D.Y.M.M. BERKENAN NAMAKAN PUTERI SULONG BAGINDA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan menamakan puteri Baginda dengan nama Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, selamat meluaran puteri itu, pada 26 Julai yang lalu dan keadaan kedua2 baginda, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah ada-lah sehat wal-afiat.

Sementara itu, istiadat berjaga2 di-Istana, telah di-lan-jutkan masa-nya hingga 14 Ogos dan perkarangan Istana Darul Hana, akan terbuka kapada kunjongan orang ramai pada sa-tiap malam istiadat berjaga2 itu.



Kelihatan di-sabelah kiri sekali, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Md. Zain selaku Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei sedang berucap di-majlis pembukaan rasmi seminar pendidikan. Dudok di-tengah2 ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan dan dari kanan ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha, Y.A.B. Menteri Besar, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong.

2,727 orang masoki peperiksaan ka-sekolah2 Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah mendaftarkan 2,727 orang murid yang akan memasoki peperiksaan pemilehan masuk ka-sekolah2 Inggeris kerajaan tahun 1970. Murid2 tersebut sekarang belajar di-sekolah2 rendah Melayu dan Tiong Hwa di-seluruh negeri.

Dari jumlah itu, 1,367 murid perempuan, melebihi tujuh orang murid dari jumlah murid lelaki.

Mereka ada-lah dari Bahagian Brunei Satu sa-ramai 723 orang murid; Brunei Dua 674, Brunei Tiga, 197; Tutong Satu, 316; Tutong Dua, 195.

Belait 391 orang murid; Temburong, 131 dan sekolah2 Tiong Hwa sa-ramai 100 orang murid.

Peperiksaan pemilehan itu akan di-jalankan pada hari Sabtu 13 September, bagi menimbangkan kebolehan murid2 itu memasoki ka-kelas2 persediaan.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, jabatan-nya sudah pun menyediakan sebelas buah pusat kerana peperiksaan itu, Lima di-daerah Brunei-Muara; tiga di-Tutong; dua di-Belait dan satu di-Temburong.

PERHIMPUNAN PENGAKAP DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji



Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika berucap sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Perhimpunan Pengakap Daerah Brunei dan Muara.

Abdul Rahman telah merasmikan pembukaan perhimpunan pengakap Daerah Brunei-Muara di Padang Besar Bandar Brunei pada tengah hari Sabtu, 6 Julai lepas.

Perhimpunan itu telah di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Daerah Brunei-Muara.

Di-antara yang hadir di-perhimpunan itu ialah Yang Berhormat Penolong2 Menteri, Pegawai2 dari Jabatan Pelajaran, Pandu2 Puteri, anggota2 Palang Merah dan Boys Brigade.

Sa-lepas merasmikan pembukaan perhimpunan itu Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara dengan di-iringi oleh pegawai2 pengakap telah menereksa perbarisan khas dan seterusnya menyaksikan berbagai2 pameran yang di-pertujokan oleh pasokan2 pengakap.

Pada malam-nya pengakap2 dan anak2 seri-gala di-Daerah Brunei Muara telah mengadakan upacara unggun api juga bertempat di-padang besar Bandar Brunei.

Upacara unggun api itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Mohamad Bolkiah.

Pandu2 puteri, anggota2 Palang Merah dan Boys Brigade juga turut serta mempersembahkan beberapa acara sa-masa upacara unggun api itu di-adakan.

PAMERAN KERJA TANGAN URUSAN RUMAH TANGGA

BANDAR BRUNEI. — Satu pameran hasil kerja tangan kelas dewasa urusan rumah tangga anjuran Jabatan Pelajaran akan di-adakan dalam bulan September depan di-dua buah tempat yang berasingan.

Bagi Daerah2 Belait dan Tutong, pameran itu akan di-adakan pada 19 dan 20 September bertempat di-Sekolah Melayu Mohamad Alam Seria.

Di-daerah Brunei / Muara pameran yang sama juga akan di-adakan pada 26 dan 27 September bertempat di-Sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata pameran itu di-adakan pada kali pertama dalam tahun 1966 di-ikuti dalam tahun 1968 dan tahun ini ada-lah kali ketiga-nya.

Di-Antara jenis2 yang akan di - pameran itu, ia-lah gubahan bunga, hasil kerja tangan termasuk sulam-menyulam, anyaman dan jahitan. Masak2kan daripada sayur2an, ikan, daging termasuk membuat kek, biskut acar dan jerok.

Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Umar bin Muhamad berkata satu jawatankuasa yang berasingan telah pun di-lantek, yang akan menyusun semua rancangan dan bertanggung jawab dalam pameran itu.

Beliau juga menyeru kepada semua guru2 kelas dewasa urusan rumah tangga supaya menggalakan pelajar2 mereka mengambil bahagian dalam pameran itu.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan di-iringkan oleh Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Shahbudin Saleh ketika memereksa perbarisan pengakap2 dan sa-terus-nya menyaksikan berbagai2 pameran yang di-adakan oleh pengakap2 tersebut.

Pembinaan kompleks Balai Polis Lamunin yang berharga \$620,000

BANDAR BRUNEI. — Tender bagi pembinaan kompleks Balai Polis di-Lamunin, Daerah Tutong, sudah pun diberikan dan kerja2 pembinaan-nya akan di-mulakan tidak berapa lama lagi.

Seluruh projek itu di-anggarkan menelan belanja \$620,000 dan ia-nya akan di-bena di-batu 10 Jalan Kuala Abang.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, kompleks itu akan mempunyai sa-

buah balai polis; barrek2 bagi anggota polis yang bujang dan beristeri; sa-buah kanteen dan rumah2 untuk pegawai.

Projek itu juga meliputi pemasangan pagar, lampu keselamatan, pembinaan jalan dan tangki2 bekalan ayer.

Tahun lalu beberapa buah balai polis telah di-bena. Ini termasuk Pusat Kawalan Polis di-Labu Estate daerah Temburong yang mula di-gunakan awal tahun lalu dan Pusat Kawalan Polis di-Labi, daerah Belait.

Penyemboran DDT ka-atas 6 kampung di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapusan Malaria akan menjalankan gerakan menyembur ubat DDT di-enam buah kampung dalam Daerah Brunei-Muara bulan ini.

Mulai semalam, 5 hingga 9 Ogos, kaki-tangan projek itu akan berada di-Kampung Tanjong Nangka; Kampung Bebatok pada 9 Ogos; Kampung Mulaut pada 12 dan 13 Ogos; Kampung Tanjong Bunut dari 14 hingga 18 Ogos; Kampung Lugu pada 19 dan 20 Ogos dan Kampung Katimahar dari 21 hingga 25 Ogos.

Rombongan itu akan menggunakan kira2 924 litre ubat DDT bagi kegunaan 317 buah rumah di-enam buah kampung itu.

Sesuai dengan rancangan menyembur, rumah2, bangunan2 baru dan lain2-nya akan di-sembur.

1,845 orang penduduk yang diam di-kampung2 itu telah di-minta memberikan kerjasama dan menentukan rumah2 dan lain2 benaan mereka di-semboi dengan ubat DDT itu.

Pejabat Perjawatan Pindah

Dengan ini di-maalomkan untuk pengetahuan umum bahawa Pejabat Perjawatan telah berpindah daripada Bangunan Pejabat Hal Ehwal Agama kepada Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan (Tingkat Atas) mulai daripada 26hb. Julai, 1969.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan sa-waktu bersabda merasmikan pembukaan Seminar Pendidekan.

SABDA D.Y.T.M. PADUKA SERI BAGAWAN SULTAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PENDIDEKAN ANJORAN M.B.B. PADA 1 OGOS, 1969 YANG BERLANGSUNG DI-DEWAN SEKOLAH ARAB HASSANAL BOLKIAH

ALHAMDULILLAH, segala puji2an hanya bagi Allah seru sekalian alam, selawat dan salam kapada Nabi kita Muhammad Salallah-hu-alaiwassalam dan sekalian sahabat serta kaum keluarga dan sekalian kaum muslimin.

Pada hari ini, Beta sangat berasa gembira kerana dapat hadir ka-majlis ini bersama2 dengan Awang2 dan Dayang2 yang semua-nya telah datang dari pelusok negeri ini untuk turut sama2 berbinchang dan bermuzakarah dalam Seminar Pendidekan yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei ini. Mudah2an kedatangan Awang2 dan Dayang2 dan perbinchangan2 itu nanti akan mendatangkan hasil dan buah yang amat berguna kapada negeri dalam lapangan pelajaran dan juga dalam laila pembangunan umum-nya.

Beta di-maklumkan bahawa tidak kurang dari 200 orang telah menyertai Seminar ini terdiri dari laila belia2 dan pemuda pemudi, termasuk-lah para pendidek2; ahli2 bijak pandai dan penuntut2 sekolah yang telah berusaha untuk turut memajukan hal ehwal pelajaran dan pendidekan di-negeri kita Brunei yang kita kasehi ini. Bilangan sa-banyak ini ada-lah bilangan yang menunjukkan bahawa pemuda pemudi dan belia2 di-negeri ini telah sedar dan insaf akan tanggung-jawab dan peranan mereka yang patut mereka sumbangkan kapada bangsa dan negara mereka yang maseh serba kekurangan d a l a m lapangan pelajaran dari negeri2 yang telah maju di-sekeliling kita.

Beta berharap kesedaran pemuda pemudi ini akan diasah dan di-pupok dengan baik dan dengan rasa kesedaran yang penoh supaya dengan ini dapat-lah mereka memberikan kemajuan dan perkembangan

pelajaran yang di-kehendaki itu.

Negeri Brunei Darus Salam yang kita kasehi ini sangat2-lah berkehendakkan pemuda-pemudi yang berilmu pengetahuan laila kesedaran dalam menyumbangkan tenaga bakti mereka kapada bangsa, kerana seperti kata pepatah: **Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara**, tetapi hendak-nya-lah kita semua renongkan dengan laila renongan bahawa berpandukan bilangan isi dalam negeri kita (raayat penduduk) yang sedikit ini yang mana Negeri Brunei ada-lah satu negeri yang chantek molek, yang kaya dan mewah maka harapan kita semua ada-lah kurang munasabah pada akal laila fikiran dapat mendirikan negara kita Brunei Darus Salam sa-bagai sa-buah mahligai yang bergemerlapan चाहयानya atau melailakan Brunei Darus Salam sa-bagai mahligai bergantung tak bertali; apa yang Beta maksudkan ia-lah tali persahabatan.

Beta perchaya Awang2 dan Dayang2 serta laila hadhirin di-majlis ini, bersepandapat dengan Beta ia-itu dari segi menghubungkan perhubungan ada-lah pasti bagi kita semua menuntut dan menchari sahabat yang lama, yang laila berjasa ia-itu ia-lah Kerajaan United Kingdom yang telah menabor jasa, berusaha berunggoh2 dan kejujuran-nya Pegawai2 Kerajaan United Kingdom maseh kita nikmati.

Laila hadhirin sekalian, Beta dengan berterus terang menyatakan di-majlis ini, kapada Beta atau pun kapada Beta, sebutkan nama General Sir Dato George Lea maseh ada dalam Brunei, dalam bibir Beta dan ristaan baik laila menjadi kenangan nama General Sir Dato Walter Walker maseh terbenam dalam ingatan Beta. Sa-bagaimana Awang2

dan Dayang2 juga laila hadhirin telah mengetahui-nya, di-masa perangkatan Sultan nanti akan berunding dengan Kerajaan Baginda Queen untuk mengeratkan persahabatan Kerajaan negeri Baginda yakni Kerajaan "Brunei Darus Salam" dengan Kerajaan United Kingdom yang lebeh2 lagi akan mengukuhkan perjanjian dengan Kerajaan Baginda Queen mengenai pertahanan bersama bagi mempertahankan keselamatan luar dan dalam negeri, erat persahabatan dan kukoh perjanjian pertahanan seperti Beta nyatakan ada-lah benar2 laila usaha bagi menyenangkan mahu pun Kerajaan Baginda Sultan dan juga raayat penduduk lanchar berusaha ka-arrah kebajikan yang afdhal laila munafaat bagi kebahagiaan negeri kita Brunei yang kita kasehi ini.

Oleh yang demikian pemuda yang akan menjadi laila harapan negeri ini dan pemudi yang akan menyulai laila menyahut dan menyulai laila hasrat Baginda ada-lah munasabah kerana dengan jalan ini Insha Allah, laila pendidekan dan pada menuntut ilmu pelajaran akan maju dan dengan ini juga supaya negeri ini dapat berdiri menurut pipak laila aliran kesejahteraan di-alam luas ini dengan jaya-nya, hendaklah jangan hanya berpada kapada apa yang telah diberikan oleh Kerajaan atau hanya apa yang telah di-berikan dalam sekolah dan buku2 sahaja, bahkan patut dan mesti-lah berusaha dan menchari apa yang dan sa-berapa yang boleh supaya apa2 pendapatan dari segi ilmu pengetahuan itu akan lebeh munasabah atau lebeh menambah kemajuan dan kebajikan, baik dari segi diri sendiri maupun dari masyarakat dan kaum keluarga umum-nya.

Kerana dalam dunia yang serba maju dengan kemajuan dan perkembangan sains dan teknologi ini, pemuda-pemudi hendak-lah menyedari bahawa mereka tidak boleh ketinggalan di-belakang atau chukup hanya menjadi pembacha berita2 atau penonton2, bahkan patut-lah turut mengambil bahagian bagi memperolehi laila ilmu pelajaran dan berkemajuan itu, laila berusaha dan berikhtiar. Sebab kemajuan itu bukan hanya untuk orang bahkan juga untuk kita sendiri di-negeri ini. Tetapi, dalam mengejar kemajuan itu, jangan-lah lupa kapada keaslian dan keperibadian laila bangsa, kebudayaan serta ugama sendiri. Bahkan mesti-lah memperingatkan diri supaya jangan tinggal apa yang sudah ada jangan terchichir apa yang di-kejar, maka baharu-lah di-namakan kemajuan mendatangkan bahagia laila di-redhai Allah segala perbuatan kita dunia dan akhirat.

Beta berharap belia-belia dalam berseminar nanti jangan hanya pandai mengeluarkan dan mengambil yang salah, tetapi hendak-lah menchari kebenaran dan kebaikan serta kebisaian yakni pandai membena dan meluruskan dengan laila menghadapkan soal pertanyaan bagi menambahkan pengetahuan, dan jangan-lah juga hanya terburu2 berchakap sa-hingga kurang usul periksa, kerana dengan sifat sedemikian hanya akan mengkurangkan mutu harga perchakapan. Jika perchakapan itu benar dan sesuai maka hasil2 Seminar ini akan dapat di-pakai dan di-perbuat sa-bagaimana yang patut-nya dan berpadanan.

Di-samping itu, Beta tiada lupa bagi menguchapkan tahni'ah kapada Majlis Belia-Belia Negeri Brunei yang telah berusaha bagi mengadakan Seminar ini yang mana Beta telah di-fahamkan adalah Seminar Pendidekan yang pertama sekali di-adakan di-negeri ini. Beta sekali lagi menyerukan kapada Awang2 dan Dayang2 supaya dapat menggunakan kesempatan berseminar yang akan berlangsung sa-lama tiga hari ini dengan baik dan berhasil serta berkebajikan bagi menjunakkan ketataan dan kesetiaan laila kaseh sayang serta berkebajikan bagi negeri dan bangsa serta ugama dan mudah2an hasil2-nya nanti akan dapat memperbaiki sedikit sebanyak mana2 yang kurang dan mana2 yang tiada kurang.

Dengan nama Allah Subhanahu Wata'ala, Beta dengan sukachitanya membuka Seminar Pendidekan Majlis Belia2 pada hari ini.

Sekian, terima kaseh.

UCHAPAN PENUTUP SEMINAR PENDIDIKAN

OLEH Y.A.M. PENGIRAN SETIA
NEGARA, PENGIRAN HAJI MD. YUSOF
BIN PENGIRAN HAJI ABD. RAHIM.

SAYA telah di-fahamkan bahawa Seminar Pendidikan yang telah memakan masa sa-lama 3 hari itu telah dapat membincangkan, meneliti, membongkar dan menghadapkan fikiran dari sa-kecil2 tajok sa-hingga membawa kepada tajok2 yang merupakan dasar pendidikan bagi Negeri Brunei Darus-salam ini. Saya juga telah di-fahamkan bahawa beberapa pendapat2 telah di-hadapkan bagi faedah2 mengatasi masalah2 yang telah di-timbulkan sa-panjang Seminar Pendidikan itu. Berthabit dengan perkara ini saya berharap dan percaya Awang2 dan Dayang2 sekalian telah dapat meninjau, antara lain-nya beberapa aspek perkembangan pelajaran di-negeri ini yang merupakan satu tinjauan dari luar atau yang merupakan satu pendapat yang berasaskan pandangan kasar terhadap sistem pelajaran di-negeri ini khas-nya. Barang satentu-nya pandangan2 dan buah2 fikiran yang telah di-habihkan sa-panjang seminar itu ada-lah merupakan satu exercise akedamik atau satu proses bagi menajamkan fikiran2 yang bergemoroh yang memang senantiasa di-anggap sa-bagai sifat yang tertentu terdapat di-kalangan belia2 bukan sahaja di-Negeri Brunei, tetapi juga di-seluruh dunia yang mempunyai belia2 serupa sa-bagaimana yang ada di-Brunei ini.

Saya percaya jika perbincangan itu telah dapat memberikan satu exercise akedamik yang saya sebutkan itu tadi maka saya berpendapat seminar ini ada-lah mendapat kejayaan yang sa-timbal dengan usaha2 kesedaran pemimpin2 dan belia2 seluruh-nya di-negeri ini.

KEPERCHAYAAN

Sa-lanjut-nya saya percaya dan berharap pemimpin2 dan belia2 dari seluruh tanah ayer tidak akan menganggap atau mensifatkan pendapat2, hasil2 perbincangan atau laporan dan sa-barang kesimpulan dari Seminar Pendidikan ini sa-bagai satu "gospel" atau keperchayaan yang sa-mesti-nya diterima oleh sa-barang pembacanya. Jauh sekali laporan yang telah di-lakukan itu sa-mesti-nya disifatkan sa-bagai satu kenyataan terbukti. Sa-balek-nya perkara2 itu hendak-nya di-sifatkan dan di-anggap sa-bagai satu lagi pendapat kasar atau pandangan dari luar mengenai sistem pelajaran yang terdapat di-Negeri Brunei Darus-salam ini.

Sama ada pendapat2 itu sa-imbang dengan kedudukan yang sa-benar-nya ada-lah satu perkara yang mesti di-selidiki dengan sadalam2-nya dengan berasaskan apa yang sa-benar-nya terjadi pada masa ini. Dan sama ada kesimpulan2 itu dapat di-terima dan di-laksanakan sa-mesti-nya-lah juga bulat2 di-taklokan kepada keadaan dan daya usaha tenaga yang terdapat pada kita pada masa ini dan masa2 hadapan. Dalam perkara ini saya percaya Awang2 dan Dayang2 sekalian tidak akan bersifat sentimental terhadap laporan itu tetapi konstruktif dan praktikal.

Walau bagaimana pun rumusan2 yang telah dapat saya terima sa-kejap tadi — bagi diri saya laporan yang berupa rumusan ini insa Allah akan dapat lah saya jadikan satu bacaan sa-bagai satu tambahan khutub-khanah yang memang sedia ada, dan mudah2an dengan tambahan khutub khahanah yang bernilai ini akan dapat lagi memberi saya dengan ilham Allah-subahanahu wata'ala pendapat2 yang baru dan untuk menambah pengetahuan saya dan mudah2an

dengan rumusan yang ada yang telah di-sampaikan ini akan dapat di-gunakan dan mudah2an terdapat yang dapat di-sesuaiakan bagi faedah bangsa dan seluruh negara kita Brunei Darus salam ini.

Memang benar apa yang telah di-sebutkan oleh Pengurus Majlis Belia2 sa-Negeri Brunei sa-bentar tadi kita sekarang sedang menghadapi pemikiran yang baru terhadap keadaan kesejhestraan terhadap negeri kita Brunei Darus salam ini. Pemikiran2 yang baru ini akan kita laksanakan dengan tidak memikirkan apa jua yang di-fikirkan orang yang tidak mengingini-nya kerana sifat tegas ini-lah yang mesti di-anut oleh sebarang kerajaan yang berkehendakkan sa-suatu kemajuan — oleh sebarang Kerajaan atau badan yang berkehendakkan kemajuan bersedia menerima sa-barang perubahan yang mengikut keadaan aliran zaman.

USAHA KERAJAAN

Terlanjur kita berada dalam lapangan pelajaran ini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan terus menjalankan usaha-nya dalam bidang pendidikan ini sama ada daripada segi memperluaskan dan memperbanyakan lagi jenis ilmu pengetahuan mahu pun penambahan bilangan jenis yang terdapat pada masa ini, sambil itu kita terus memperelokkan dan mensesuaian sistem pelajaran ini dengan kepentingan2 negara sama ada di-pandang dari segi sosial atau pun ekonomi dan lain2 bidang yang menjadikan asas pada usaha untuk meninggikan taraf raayat negeri ini khas-nya dan taraf kedudukan negara ini dengan negara2 lain di-dunia internasional. Niat yang saperti ini bukan-lah satu perkara yang baharu — hasrat yang saperti ini bukan-lah satu perkara yang baharu timbul atau baharu di-lahirkan dengan bersebabkan perbincangan2 atau seminar2 yang saperti ini, tetapi Awang2 dan Dayang2 tentu menyadari bahawa hasrat itu ada-lah terdapat atau telah di-bukukan di-antara tujuan2 atau objektive Rancangan Kemajuan Negara yang telah berjalan sa-lama ini yang mana pelaksanaan-nya terus-menerus di-usahkan. Dalam pada itu kita semua menyadari bahawa kita hanya dapat menjalankan sesuatu usaha itu menurut dan tertaklok kepada kebolehan kita, terutama sekali di-pandang dari segi kepentingan tenaga yang berkelayakan dan sesuai dengan keadaan masa. Kita tidak dapat memelok gunung dengan dua belah tangan yang begitu pendek tetapi tiap2 saat dan tiap2 detik akan di-gunakan dengan sa-waras2-nya untuk memperdekatan negara ini pada objektif yang telah termaktub dan di-perelokkan dari satu masa ka-satu masa itu.

Awang2 dan Dayang2, Pemimpin2 Belia dari seluruh tanah ayer: Bersempenakan saat usaha kesedaran Awang2 dan Dayang2 ini saya ingin atau izinkan-lah saya memperingatkan sa-banyak sedikit titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang telah di-titahkan oleh Baginda pada Istiadat Memperingati Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda baharu2 ini yang antaranya berbunyi: "Bahawa Kerajaan beta sama sekali tidak mempunyai sa-barang keraguan untuk menyingkirkan jika terdapat pegawai2 yang tidak sesuai dan lebeh2 lagi jika di-fikirkan akan membahayakan negeri ini."

PEGAWAI2 KERAJAAN

Titah ini bukan-lah hanya ditujukan kepada sa-kelompok pegawai2 yang tertentu, tetapi sabener-nya ada-lah untuk semua pegawai2 yang berkhidmat dengan Kerajaan Baginda, sama ada pegawai2 itu datang-nya atau di-datangkan dari seberang laut mahu pun mereka yang terdapat di-kalangan pegawai2 tempatan — sama ada yang berjawatan tetap atau pun yang berkontrek. Bagi faedah2 kita, olen kerana sa-bahagian besar daripada Pemimpin2 dan anggota2 Majlis Belia2 ini dari seluruh tanah ayer ini ada-lah terdiri sa-tengah daripada Pegawai2 Kerajaan, maka memandang kepada kebersehan rekod pertubuhan Awang2 dan Dayang2 ini saya harap dan saya percaya nama baik itu akan terus di-asoh dan terasoh serta perjalanan-nya atau pun di-jalankan samata2 menurut kepentingan Negeri Brunei Darus-salam yang mempunyai Raja dan Pemimpin di-dalam-nya. Saya harap dan percaya sama ada melalui badan kepunyaan Awang2 dan Dayang2 ini mahu pun sa-chara, peribadi; sama ada sa-chara langsung atau pun sa-balek-nya — badan atau pun Awang2 dan Dayang2 tidak akan redha di-pergunakan oleh sa-barang badan atau persaorangan untuk faedah2 yang bertentangan dengan kepentingan dan tata-tertib negara yang di-redhai oleh Allah Subahanahu Wata'ala. Sa-balek-nya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei tidak mempunyai sa-barang keraguan untuk mengambil tindakan2 atau menjalankan sa-barang tindakan bagi menegahkan sa-barang perkara yang boleh membahayakan keselamatan dan keharmonian raayat Negeri Brunei Darus-salam ini jika terdapat tanda2 yang menunjukkan perkara2 yang sa-demikian itu harus berlaku.

Awang2 dan Dayang2 sekalian, di-sini dengan sempena-nya sempurna-nya seminar yang telah Awang2 dan Dayang2 tempoh saya ingin dengan perasaan yang tulus ikhlas menyeru kepada Awang2 dan Dayang2 sekalian akan mene-guhkan kata dan mengotakan se-

gala yang telah di-sumpahkan agar seluruh pemuda tanah ayer berdiri tegak di-belakang — bersedia untuk menyalui bersedia untuk menongkat — bersedia untuk menyisip — bersedia untuk menampung dan menampung — bersedia untuk menyalorkan segala tenaga dengan semangat yang jujur demi kepentingan dan kebahagiaan kerajaan Brunei ia-itu Kerajaan D.Y.M.M.

Awang2 dan Dayang2 sekalian. Sa - bagaimana yang kita ketahui pada malam ini kita juga akan menyaksikan malam kebudayaan yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 kita — saya percaya dengan anjoran ini akan dapat dengan serba sedikit menzahirkan fikiran baru terhadap kita bahawa Negeri Brunei ini mempunyai kebudayaan - nya yang tersendiri. Sunggoh kecil benar Brunei Darus Salam ini, tetapi Brunei mempunyai bentuk yang tersendiri—Brunei mempunyai kebudayaan-nya sendiri—Brunei mempunyai bahasa-nya yang sendiri — dan Brunei mempunyai yang terletak bagi dirinya sendiri. Dengan ini saya berseru kepada pemuda2 seluruh tanah ayer supaya segera mengelakkan memodenkan kebudayaan kita sesuai dengan zaman, tetapi dengan tidak membuang kebudayaan asli. Di-dalam mentadbirkan sa-suatu perkara yang serupa ini bukan-lah suatu perkara yang mudah tetapi saya percaya belia2 di-seluruh tanah ayer ada-lah orang yang mempunyai fikiran dan dapat memberi fikiran dan sebarang apa yang dapat kita lihat jangan-lah bulat2 di-lihat itu di-perchayai — sebarang apa yang telah kita dengar — jangan-lah terus di-perchayai — tetapi dengan kebijaksanaan kita, apa yang telah kita lihat jangan di-perchayai — apa yang telah kita dengar jangan di-perchayai, tetapi periksa lebeh dulu baru-lah pemuda2 sekalian membuat keputusan-nya. Dengan apa yang saya sebutkan dan serukan, saya berharap semua ini akan mendapat sambutan kepada belia2 seluruh-nya. Buat-lah sebarang chadangan, kemudian kita ranchang baru-lah kita laksanakan.

SEGI KEBUDAYAAN

Awang2 dan Dayang2, dalam segi kebudayaan di-Negeri Brunei ini memang banyak yang terdapat dan yang maseh terpendam, tetapi, bagaimana pun seluruh kita ditahan ayer ini menyedari bahawa hidup di-dunia ini, kita di-kandung adat dan adat pula mengandung adat — dan di-dalam adat mengandung budi pekerti dan tutor bahasa. Saya berharap dengan kata2 yang pendek ini akan dapat sama2 kita fikirkan dan dapat sama memberi ilham dengan izin Allah untuk memperkayakan dan memperingati kebudayaan kita dan dengan jalan ini tidak melupakan identity kita ia-itu identity Brunei Darus-salam yang mempunyai ideologi-nya sendiri ia itu Brunei Darus-salam untuk Brunei Darus-salam.

Dengan itu sekali lagi saya ucapkan beranyak2 terima kasih kepada Pemimpin2 dan Anggota2 Majlis Belia2 Negeri Brunei yang telah memberikan kesudian mereka pada petang ini dan dengan mendahului salam dan selawat bagi Nabi Besar kita Mohammad s.a.w. saya rasmilah selamat-nya Seminar Pendidikan ini dan dari hari yang puteh dan ikut sama bergembira saya rasmikan pula pembukaan Malam Budaya Majlis Belia2 Negeri Brunei ini.

Perlu-nya Kaum Muslimin bersatu mencapai taraf hidup yang sesuai dengan kehendak zaman

BUMI yang terhampar luas yang di-jadikan oleh Tuhan ini mempunyai perbendaharaan yang boleh di - nikmati oleh manusia jika di-usahakan dengan jaya-nya, bumi kita di-Brunei ini di-antara lain mengandungi perbendaharaan minyak, yang mana hasil daripadanya telah nampak dan nyata memberikan kemakmoran kepada negeri ini, dan menjadi hasil yang utama dari pendapatan negara. Kita bersyukur ka - hadzrat Allah di - atas nikmat yang di - berikan - nya kepada bumi negara Brunei yang terchinta ini.

Masalah pengeluaran minyak yang menjadi hasil utama pendapatan negara telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menyebarkan ucapan kesukoran di-hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-23 yang lalu seperti berikut: "Kerajaan dibawah Duli Tuan patak sa-lama ini menyedari dengan sa-dalam2-nya had2 dan bahaya2 ekonomi Negeri Brunei Darussalam ini hanya bergantung kuat kepada pengeluaran minyak."

Menyedari akan perkara tersebut, sekarang ini rancangan2 perkembangan ekonomi dan sosial, sama ada pada bahagian Kerajaan mahu pun pada bahagian private sedang di-lancarkan dengan giat-nya, yang mana kerajaan sendiri terus berusaha memperlakkan rancangan2 yang berupa Infrastructure ekonomi dan sosial, kerana menurut Menteri Besar bahawa "ini pada asas-nya membolehkan rakyat dan penduduk yang baik menjalankan peranan masing2 pada meninggikan taraf hidup mereka sambil memperluaskan dan menyuburkan sumbu2 kehidupan supaya kedudukan bersandar kuat kepada hasil minyak tanah dapat di-longgarkan."

Memperhatikan rancangan2 dan kemudahan2 asas bagi perkembangan ekonomi dan sosial untuk kebajikan rakyat dan penduduk yang baik di-Negeri Brunei Darussalam ini bukan-lah suatu perkara yang asing daripada ajaran2 UGAMA Islam, bahkan UGAMA Islam bukan sahaja memberikan ajaran2 yang berchurak kei-

KHUTBAH JUMA'AT

Hidup dalam kemiskinan
—hidup dalam kesempitan
—hidup dalam kejahilan
titian yang boleh di-jalani
oleh anasir2 yang mungkin
merosakkan keimanan.

manan dan keperchayaan, bukan sahaja menyuruh menuntut ilmu, dan menyuruh berchita2 tinggi, bahkan juga menuntut dan menghendak2 supaya bekerja dan berjuang sa-laras dengan kehendak dasar keimanan dan keperchayaan.

Bekerja dan berjuang untuk menchiptakan dan meninggikan taraf hidup sesuai dengan kehendak zaman dan sesuai dengan dasar2 keimanan adalah menjadi kewajiban sa-tiap orang Islam. Kerana hidup dalam kemiskinan, hidup dalam kesempitan, hidup dalam kejahilan ada-lah merupakan titian yang mana boleh di-jalani oleh anasir2 yang

mungkin merosakkan keimanan.

Dalam menghadapi perkembangan2 negara kita di-masa yang akan datang, dan dengan ujud-nya kemudahan2 asas untuk kemajuan dan perkembangan ekonomi dan sosial di-negara ini, maka kita umat Islam hendak-lah menentukan sikap dan mengambil peluang daripada kemudahan2 itu untuk faedah2 yang berkebajikan. Dalam perkara ini kita tidak-lah boleh semata2 bergantung kepada kerajaan, bahkan kita hendak-lah juga bergerak, bersatu untuk menjayakan sa-suatu rancangan yang berkebajikan. Perkara seperti ini dapat kita lihat daripada



persatuan dan kemajuan orang2 yang bukan Islam di-negara kita ini yang mana mereka itu menggunakan segala kemudahan2 asas yang di-sediakan oleh kerajaan dengan sa-baik2-nya.

Oleh itu ada-lah di-serukan supaya kaum Muslimin sekalian bersatu dan bergerak untuk mencapai suatu taraf hidup yang sesuai dengan kehendak zaman dan selaras dengan keimanan kita dengan menggunakan kemudahan2 asas yang di-sediakan oleh Kerajaan dengan sa-baik2-nya. Seruan ini tidak-lah bertentangan dengan ajaran2 UGAMA kita.

34 GURU2 PELATEH UGAMA LULUS PEPEREKSaan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal UGAMA telah mengumumkan bahawa sa-ramai 34 dari 53 orang guru2 pelateh uGAMA telah lulus dalam peperiksaan yang telah di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah baru2 ini.

Sa-orang juruchapak Jaba-

tan Hal Ehwal UGAMA berkata, guru2 yang telah lulus itu terdiri dari 28 orang perempuan dan enam orang lelaki.

Sementara itu, 42 orang guru uGAMA sekarang ini sedang menghadhiri kursus perguruan uGAMA bagi tahun 1969/1970.

Mereka yang telah lulus peperiksaan tersebut ada-lah seperti berikut:—

Dayang Norzainah bte Haji Mohammad, Dk. Sa'emah bte Pg. Damit, Dk. Rubiah bte Pengiran Puteh, Dayang Rosnah bte Haji Tamit, Ak. Mohd. Ja'afar bin Pg. Damit, Dayang Liah bte Muntol, Dayang Norsiah bte Said, Dayang Aisah bte Haji Mo'min.

Dayang Norsiah bte Ahmad, Awang Mohammad bin Haji Ismail, Dayang Maidiah bte Mahri, Dayang Zainah bte Yahya, Dayang Fatimah bte Haji Mohammad, Dayang Norhayati bte Hamdi, Dayang Rosiah bte Atma, Dayang Sharifah Hasnah bte Malai Yahya, Dayang Halimah bte Saban.

Dayang Siti Banu bte Samad, Dayang Kamariah bte Wasli, Dk. Rupiah bte Pg. Bungsu, Awang Damit bin Abdul Samad, Dayang Siti Rahmah bte Haji Abdullah, Dayang Marsiah bte Bakir, Dayang Hatijah bte Haji Mohd. Hanafiah, Dayang Latifah bte Libut.

Dayang Bidah bte Paman, Dk. Noralam bte Pg. Ahmad, Awang Ahmad (Mohd. Salleh) bin Bini, Dayang Norty bte Rajab, Ak. Jamaluddin bin Pg. Bahar, Dayang Sabariah bte Zaman, Awang Talib bin Jumaat, Dayang Azizah bte Hitam dan Dayang Not bte O. K. Samir.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Ogos, 1969 hingga ka-hari Selesa 12 Ogos, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	6 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	7 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	8 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	9 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	10 Ogos	12-29	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	11 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
	12 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



6 Ogos, 1969.

SUATU PENGHARGAAN

ADA-LAH menjadi satu perkara yang biasa bagi sabuah Kerajaan yang mempunyai hasrat untuk memajukan negara dalam berbagai bidang terutama di-segi pembangunan dan kemajuan pendidikan, maka pemikiran2 dan pandangan2 yang bernas ada-lah samemangnya di-perlukan terutama dari pihak2 yang sama2 mempunyai tanggung jawab terhadap negara.

Tentu-nya dapat di-fahamkan kalimat "pemikiran2 dan pandangan2 yang bernas" itu ia-lah menimbulkan sa-suatu yang baru dan menambah mana2 yang kurang dan perlu di isikan. Dalam pengertian yang biasa bahawa pendapat2 yang benar2 membena itu ada-lah satu perkara yang memang di-hargai malah di-perlukan demi untuk benar2 menjadikan negara kita ini sa-buah negara yang membangun menurut kehendak zaman.

Kerana itu-lah kita perhaya lahir-nya sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan sa-waktu merasmikan pembukaan Seminar Pendidikan baru2 ini yang berbunyi:

"Beta berharap belia-belia dalam seminar nanti jangan hanya pandai mengeluarkan dan mengambil yang salah, tetapi hendaklah mencari kebenaran dan kebaikan serta kebisaan — yakni, pandai membena dan meluruskan dengan laila menghadapkan soal pertanyaan bagi menambah pengetahuan dan jangan - lah juga hanya terburu2 berchakap sa-hingga kurang usul perekas, kerana dengan sifat demikian hanya akan mengurangkan mutu harga perchakapan. Jika perchakapan itu benar dan sesuai maka hasil seminar ini akan dapat di-pakai dan diperbuat sa - bagaimana yang patut-nya dan berpadanan".

Nasihat Duli Yang Teramat Mulia itu ada-lah membayangkan betapa hasrat yang luhur pada memerlukan pandangan2 dan pendapat2 yang bernas dan menghargai-nya sa-bagai satu khidmat yang bernilai terhadap bangsa dan negara.

Sa-bagai hasil dari seminar pendidikan itu, maka rumusan2-nya telah pun di-sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah juga menyatakan harapan beliau agar rumusan2 itu akan dapat di-gunakan dan dapat pula di-sesuaikan bagi faedah bangsa dan seluruh negara kita Brunei Darus-salam ini.

Yang Amat Berhormat telah memberikan kepegangan bahawa sa-barang Kerajaan atau badan yang berkehendakkan kemajuan ada-lah bersedia menerima sa-barang perubahan yang mengikut keadaan aliran zaman.

Dari sini amat jelas menunjukkan bahawa sa-suatu yang di-fikirkan amat berguna itu akan tetap di-hargai, malah di-jadikan landasan pendurong menuju ka-arah kemajuan dan kemakmoran.



Malam Budaya MBB di-serikan dengan tridra "Puteri Laila Menchanai dan Sultan Bolkiah."



D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan (tengah) dalam majlis pembukaan rasmi Seminar Pendidikan anjoran MBB. Di-kanan sekali ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Y.A.B. Menteri Besar dan di-kiri sekali ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja selaku Yang Di-Pertua MBB.

Hadhirin dalam majlis pembukaan rasmi Seminar Pendidikan termasuk-lah Yang Amat Mulia Cheteria2, pegawai2 kanan Kerajaan dan peserta2 seminar.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara ketika berchakap merasmikan penutup seminar pendidikan dan pembukaan malam budaya yang berlangsung di-Dewan Raya pada malam hari Ahad lepas.


Pengerusi Seminar Pendidikan, Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika membacakan sa-buah sajak gubahan-nya yang bertajuk "Sepanjang jalan ka-Sekolah Melayu."



Empat buah gambar di-sabelah kanan menunjukkan istiadat bersanding chara lama winan orang2 Brunei (kanan sekali) dan Tarian Adai-Adaina yang di-gubahkan baru.

Antara penuntun2 yang menyaksikan budaya termasuk-lah Y.A.B. Menteri Besar, rah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kanan Kerajaan. Dalam gambar lain lihatan sa-orang pelakon, Ak. Md. Dor Besar beraksi sa-bagai wakil pelak perempuan menyambut kedatangan pengantin lelaki, sa-belum istiadat bersanding.

SEKITAR PEMBUKAAN DAN PENUTUP SEMINAR PENDIDIKAN ANJORAN M.B.B.



Para jemputan khas dan peserta2 seminar.

Abdullah Md. Yassin dan Salbiah binte Begawan Mudim Haji Adnan menggayakan pakaian pengantin chara lama orang2 Brunei.



Para pelajar2 yang di-hormati. Dalam siri Enam dan juga terakhir, mengenai tajok "Apa Dia Semantik?" kali ini, kita bersama2 akan memperbincangkan unsur 'nilai-rasa' yang berkisar di-antara istilah2 atau kata2 "kunjung", "mengunjungi", "di-kunjungi", "perkunjungan", "berkunjungan", "pengunjung" a t a u p u n "serba-kunjung"; ia-itu kata2 yang telah pernah di - perbincangkan, dengan luas dan menarik-hati, oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, dalam Kelas Bimbingan Sastera anjoran Asterawani di-Dewan Raya, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, begitu juga dalam ruangan pelajar Radio Brunei ini beberapa masa yang lampau. Adapun maksud-tujuan saya mengulangi perbincangan tersebut, tidak lain dan tidak bukan, hanya-lah menyokong pendapat Yang Berhormat dan sambil-lalu menyegarkan ingatan kita bersama, sa-lain daripada mengisi lowongan2 (tempat2 kosong) di-sana-sini.

Sa-bagaimana kita sebutkan dalam siri2 yang lalu, makna kata dan pengertian sa-sapatah istilah atau kata itu ada-lah di-tentukan oleh masyarakat atau lingkungan pemakai bahasa, s a - c h a r a **objektib** ia-itu dengan makna dasar, ataupun sa-cara **subjektib** ia-itu dengan makna meluas; kerana, pada hakikat-nya, penilaian terhadap istilah-kata itu adalah hak mereka bersama.

Terlebeh dahulu, mari-lah kita jawab apa arti-nya "kunjung" dengan memberikan beberapa kata2 sa-imbang, sa-erti, sa-laras, yang makna dasar-nya semua sama, namun nilai rasa-nya berbedza2 dalam dunia pemakaian-nya:—

"Kunjung" sa-tara, sa-erti, sa-imbang dengan kata2 pergi, datang, jumpa, singgah, jenguk, tinjau, lawat, mampir, embara (kembara), tandang, ungsi, ziarah, hijrah, 'muhibbah', dan sa-bagai-nya. Hanya pemakaian - nya yang berbedza2. Dengar-lah umpama-nya ayat2 berikut sa-bagai chuntoh2:—

Pada 'am - nya 'kunjung' sifat-nya netral (tidak berpehak), umpama-nya dalam ayat, "Pada Hari Raya ini ramai orang berkunjung ka-rumah kami."

Pergi dan datang punya makna biasa sahaja, umpama-nya, "Dia pergi ka-Seria, dan saya datang dari Kuala Belait; sama2 mengunjungi Bandar Brunei".

Jumpa punya tujuan atau m a k s u d tertentu seperti, "Mereka itu menjumpai kami di-sini; berkunjung ka-rumah keluarga yang mengadakan majlis Hari Jadi."

Singgah, jenguk, tinjau, lawat, mampir, tandang punya makna sementara hingga berhari2, umpama-nya, "Dalam

kunjungan-nya ka-mari, Menteri Muda itu singgah di-Labuan, menjenguk orang sakit di-Rumah Sakit Besar disana, meninjau keadaan luar bandar-nya, melawat sahabat2 lama-nya, mampir sa-kejap di-Pejabat Imigereshen, dan ber-tandang ka-rumah tunang-nya."

Embara punya arti berkunjung dari kampung halaman sa-bagai sa-orang musafir, p e t u a l a n g, kelana atau bangsa Gypsy, umpama-nya, "Lee Han mengembara sapanjang hidup - nya dalam buku 'Musafir!'"

Ungsi pula punya arti mengunjungi tempat lain sebab lari dari tempat asal-nya, un-tok menetap di-sana, umpama-nya, "Muhajirin, para-penganut-pengikut Nabi Muhammad s.a.w. mengungsi ka-Medinah."

Ziarah punya arti berkunjung ka-tempat yang keramat, suchi, kubor dan sa-bagai-nya, umpama-nya, "Ramai pendu-

dok2 Brunei berziarah ka-Mekah un-tok menunaikan rukun Islam yang ke-Lima, ia-itu Naik Haji."

Hijrah pula sudah tentu punya makna hampir sama dengan ungsi, dalam umpama-nya, "Tarikh Islam di-mulai dari Hijrah Muhammad ka-Medinah pada tahun 622."

Dan lawatan "muhibbah" punya erti berkunjung un-tok persahabatan dan kaseh, 'goodwill mission' kata orang Inggeris, umpama-nya, "Semalam, Abdullah bermimpi, sa-bagai wakil Setia-Usaha Agung Persatuan Bangsa2 Bersatu ia-itu U Thant dia membuat lawatan 'muhibbah', mengunjungi ka-semua-nya 122 negara2 dalam P.B.B. dari Afghanistan hingga ka-Zambia."

Kembali kepada istilah 'kunjung' yang pemakaian-nya telah sangat 'am di-gunakan un-tok semua makna sa-bagaimana saudara-saudari dengar dari pengayatan kata2 sa-imbang, sa-tara, dan sa-erti tadi, maka baik-lah juga kita mengambil kesimpulan tentang pemakaian khas daripada istilah 'kunjung' itu dalam masyarakat lama dan masyarakat baru-moden: Kalau dalam masyarakat

dulu-kala atau zaman bahari, 'kunjung' di-pakai dalam umpama-nya, "Kunjungan Raja Melaka Sang Maniaka di-sambut dengan meriah-nya oleh Raja Majapahit Seri Betera dan sa-kalian-nya raayat Tanah Jawa", maka, dalam masyarakat sekarang atau zaman baru, 'kunjung' itu di-pakai dalam umpama-nya, "Pelajar2 Brunei hendak mengunjungi luar negeri."

Dari apa yang telah kita perbincangkan bersama2 sa-lama beberapa minggu ini, dalam tajok besar "Apa Dia Semantik?" Siri Pertama hingga Siri Ke-Enam, dapat-lah kita mengambil kesimpulan sa-bagai berikut:—

Pertama, istilah2 atau kata itu ada-lah sa-bagai makhluk, katakan-lah seperti manusia dan binatang; mereka lahir atau di-lahirkan; mereka tumbuh; mereka berbuah; dan mereka mati. Ambil-lah sa-bagai chuntoh, kata 'pujangga'. Kata pujangga lahir atau di-lahirkan ka-balam bahasa Melayu, berasal dari bahasa Sanskrit yang makna-nya 'ular'. Tetapi kata ini kemudian tumbuh dengan makna lain ia-itu 'sarjana'; dan kemudian yang bernilai tinggi, atau pun pakar falsafah - sastera'. Maka, dalam kata lain, makna asal-nya telah mati, walaupun asal-nya terus hidup.

Kedua, di-antara kelahiran dan kematian mereka itu, istilah2, kata2, atau pun bahasa lisan dan tulisan-lah sa-bagai alat pemikiran manusia, alat penyimpan dari penyampaian fikiran, perasaan, pengalaman di-antara sa-sama manusia. Sa-bagaimana kata orang Inggeris pula, "Language is the dress of thought", atau orang Tionghoa, "Yu yen shih ssu hsiang ti piao ta", atau pun yang kita sebut dalam bahasa Melayu, "Bahasa ada-lah chermis pemikiran." Dengan ini izinkan-lah saya menutup perbincangan "Apa Dia Semantik?" malam ini dengan "Akhiru — kalam" berupa sa-rangkap shaer berikut:—

"Akan guna-nya pengasah ilmu,
Di-dalam hidup bagi kemudi,
Bagai penghidupan sa-bagai pandu,
Supaya pelajar2 berjaya di-bela-kang-hari."

APA DIA SEMANTIK?

Oleh

Awang Raymond Phoa Kim Hong

SIRI KE-ENAM

Penyiñasan penyakit untut di-perluas ka-Kg. pendalaman

BANDAR BRUNEI. — Penyiñasan penyakit untut akan di-perluaskan ka - kampung2 pendalaman mulai bulan ini.

Rombongan Projek Penghapus Malaria akan mulai menjalankan penyiñasan itu hari ini 6 Ogos di-lima buah kampung di-Daerah Belait.

Rombongan itu akan berada di-Bukit Puan dan Kampung Kuala Balai pada 18 Ogos. Kampung Labi dan Kampung Badas pada 19 Ogos dan Kampung Bukit Sawat pada 20 Ogos.

Satu lagi rombongan dari pejabat itu akan melawat ka-Daerah Temburong pada 11 Ogos un-tok mengambil chon-toh2 darah penduduk2 di-Pekan Bangar.

Projek Penghapus Malaria juga akan menghantar satu rombongan ka-Daerah Tutong un-tok menjalankan penyelidikan di-tiga buah kampung. Mulai 23 Ogos rombongan itu akan melawat Kampung Lubok Pulau dan Kampung Tanjong Maya pada 25 Ogos. Pada 27 Ogos di-Kampung Bukit Udal.

Jumlah penduduk yang akan

di-pereksa di-kampung2 itu ia-lah 1,641 orang.

Penyiñasan penyakit untut telah di-mulakan dalam tahun lepas di-Daerah Tutong yang mana sa-ramai 50 orang di-dapati menghidap penyakit itu.

Orang2 yang menghidap penyakit itu juga telah di-jumpai di-Daerah2 Belait, Temburong dan Brunei-Muara.

Ratu Keputeraan di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Dayang Katherine Lim telah di-mahkotakan sa-bagai Ratu Keputeraan dalam peraduan memilih Ratu Keputeraan dan Pakaian Beragam di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait minggu lepas.

Peraduan itu di-adakan sa-bahagian dari acara kerana menyambut perayaan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Belait.

Naib johan Dayang Salmah binte Jais dan ketiga Dayang-

ku Halimah binte Pengiran Mohammed Said.

Dalam peraduan pakaian beragam pula Awang Alek anak Jayan telah mendapat tempat pertama kedua M. B. Ahmad dan ketiga Syed Yusoff.

Ratu Keputeraan juga telah menerima hadiah sa-keping cek yang di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Matnoor McAfee.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau Datin Fatimah.

Latehan tentera di-kawasan Brunei—Muara

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan mengadakan latehan di-kawasan Brunei/Muara termasuk Teluk Brunei, mulai hari Khamis esok, 7 Ogos sehingga hari Rabu 13 Ogos.

Satu pengumuman dari Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata latehan itu melibatkan tembakan peluru2 kosong dan pyro technics atau bunga api pada waktu malam dan siang.

Sa-bahagian dari latehan itu merupakan gerakan helikopter sa-chara besar2an di-kawasan tersebut.

"Musuh" bagi latehan itu akan terdiri dari sa-paruh askar itu yang berpakaian hitam, dan mereka di-jangka akan bergerak sa-bagai pasokan ronda sa-ramai 4 hingga 8 orang anggota, sama ada menaikki perahu yang laju atau berjalan kaki.

Jalani kursus haiwan di-S'pura

BANDAR BRUNEI. — Awang Metussin bin Tengah, sa-orang Penolong Pegawai Haiwan di-Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat lepas untuk menjalani kursus haiwan sa-lama tiga bulan di-Republik itu.

Awang Metussin akan ditempatkan di-Pusat Pembantaian dan Kurantin, Jurong.

Sa-masa menjalani kursus, Awang Metussin di-ajarkan chara2 pemeriksa daging dan kurantin.

JAWATAN—JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Setia Usaha di-Jabatan Perpindahan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Setia Usaha di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah pandai bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu dan hendaklah berkebolehan menterjemah bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Pemohon2 mesti-lah chekap menulis trengkas Inggeris selaju sekurang2-nya 80 perkataan saminit dan boleh menaip selaju sekurang2-nya 30 perkataan sa-minit.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — \$930 x 30 — 1050/EB/ 1080 x 30 — 1200 sabulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalun yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 Ogos, 1969.

JURU MESIN TINGKAT II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan yang menjadi ra'ayat atau berhak di - daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Juru Mesin Tingkat II di-Bahagian Mesin Pejabat, Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti - lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan berumur di-antara 18 dan 30 tahun; dan

Chalun2 hendaklah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 memelihara dan memperbaiki mesin2 pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan E1-2 EB3 \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16hb. Ogos, 1969.

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelulusan:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

Tugas2:

Menerima dan menyimpan alat2 dan barang2 yang di-beli dan mengeluarkan-nya kepada workshop2 latehan. Menjaga buku2 stock.

Gaji:

Dalam sukatan E. 1 — 2 EB 3 — \$200 x 10 — 270/EB/ 280 x 10 — 330 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk tempoh perchubaaan selama 6 bulan yang permulaan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. akan di-lantek dalam jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tersebut tidak akan di-bayar kalau berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 Ogos, 1969.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



FAKTOR2 KELEMAHAN PELAJAR2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa, Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei telah membentangkan sebab2 kelemahan pelajar2 Melayu dalam menghadapi peperiksaan luar negeri.

Beliau berkata bahawa diantara banyak perkara, ada tiga faktor yang menyebabkan pelajar2 Melayu kita di-negeri ini lemah dalam menghadapi peperiksaan2 luar negeri.

Faktor2 itu, kata-nya, ialah:

- * Pelajar2 Melayu di-sekolah Inggeris Kerajaan lemah dalam menguasai Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa pengantar mata2 pelajaran di-sekolah tersebut.

- * Pemilihan mata2 pelajaran bagi pelajar2 Melayu di-sekolah2 itu ada-lah agak sempit.

- * Kurang-nya guru2 yang berkelayakan dan kelalai-an menghantar dan kekurangan buku2 teks.

Kenyataan tersebut di-buat beliau dalam ucapan-nya di-majlis penutup Seminar Pendidikan dan pertunjukan Malam Budaya anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei yang berlangsung di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam hari Ahad lepas.

Dalam majlis itu juga di-langsungkan upacara menyampaikan naskah rumusan Seminar Pendidikan yang berlangsung sa-lama tiga hari dari 1 hingga 3 Ogos lepas di-Sekolah Mengajar Arab Hassanah Bolkiah.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menerima naskah rumusan seminar itu dan juga merasmikan penutup seminar dan pembukaan pertunjukan Malam Budaya.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja bahawa faktor2 kelemahan pelajar2 Melayu yang di-sebutkan-nya itu ada-lah petikan sa-bahagian dari rumusan2 yang di-chapai di-sepanjang seminar itu.

Beliau berkata, rumusan itu juga telah menyarankan bahawa untuk mengatasi kelemahan2 itu, maka hendak-lah di-tubuhkan satu surohanjaya untuk menyiasat sa-chara lengkap butir2 kelemahan pelajar2 Melayu itu yang akan mengemukakan sokongan2 yang tegas pelaksanaan-nya.

Menyedari akan keadaan pendidikan dan pelajaran sekarang ini, rumusan seminar itu juga menyarankan supaya di-adakan satu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang tunggal yang bersesuaian dengan keadaan dan kehendak2 negeri ini dan sa-bagai langkah sementara hendak-lah di-laksanakan perbaikan2 yang sesuai.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja berkata bahawa di-antara tujuan dasar pelajaran kebangsaan itu ia-lah mengujikan satu bentuk bangsa dan negara Brunei yang berdaulat di-kalangan dunia internasional serta mengekalkan sistem pemerintahan bersultan yang menjadi teras kebudayaan bangsa dan negara Brunei Darussalam.

Beliau berkata bahawa dasar itu juga bertujuan untuk menjadikan sa-tiap rakyat Brunei berakhlak tinggi yang berfalsafah Brunei Darussalam dan bertanggungjawab kepada bangsa-nya — negara-nya dan terdidek dengan fahaman yang sesuai dengan dasar yang menjadikan Agama Islam sa-bagai Agama Rasmi Negara.

Atas kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerima naskah2 rumusan itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja mensifatkan-nya sa-bagai satu penghargaan yang tinggi nilai-nya.

Beliau berharap supaya rumusan2 itu akan dapat di-jadikan sa-bagai salah satu bahan kajian untuk menuju ka-arah dasar pelajaran kebangsaan yang sehat dan berkebakikan.

KUASA LETRIK DI-BEKALKAN KA-TERABAN

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah menyiapkan kerja2 memasang kibal bawah tanah dan di-laut dari pekan Kuala Belait ka-Kampung Sungai Teraban yang menyeberangi Sungai Belait.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, kuasa letrik sekarang boleh di-bekalkan ka-rumah2 di-Kampung Sa-berang itu.

Kata-nya, satu lagi kerja memasang kibal di-bawah tanah di-sepanjang batu 8 hingga ka-batu 10 Jalan Tutong dan Kampung Mulaut sekarang hampir2 siap.

Ini ada - lah sambongan pemasangan kibal bawah tanah dari bandar Brunei ka-Batu 12 Jalan Tutong.

Sa-bahagian dari kibal2 itu akan menggantikan kawat2 diatas yang ada sekarang yang menuju ka-Mulaut melalui ladang2 padi.

Jabatan Letrik juga sedang mengusahakan kerja pemasangan kibal antara pusat kechil kuasa letrik di-Jalan Kota Batu ka-bangunan baru Muzeum Brunei. Ini ada-lah peluasan bekalan letrik ka-kawasan itu.

Apabila pemasangan kibal2 itu siap ka-kompleks Museum baru itu maka bekalan letrik kemudian akan di-sambungkan ka-rumah2 yang berhampiran.

PERADUAN RATU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Saramai 15 orang gadis akan menyertai peraduan merebut gelaran Ratu Brunei tahun 1969, anjoran Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak, pada 9 Ogos, ia-itu sa-bahagian dari acara sambutan ulang tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.


Pemenang gelaran Ratu Brunei, akan di - hadiahkan satu tiket perchuma ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang sumbangan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapore.

Yang Di-Pertua perkumpulan tersebut, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman berkata, pemenang chabutan tiket meja yang bernasib baik, juga akan di-hadiahkan satu tiket perchuma ka-Kota Kinabalu dan perbelanjaan-nya sa-lama tiga hari di-sana, sumbangan Awang Mak Kum Wah.

Masok ka-majlis tersebut akan di - kenakan tiket yang sekarang di-jual di-kedai Chop Guan Hock Lee Bandar Brunei, S.R.C. Seria dan di-Kem Pasokan Askar Melayu Di-Raja. Berakas, sementara tiket2 untuk meja juga boleh di-dapati dari tempat2 yang di-sebutkan itu.

Kedua2 tiket itu juga boleh di-beli di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei, pada hari Juma'at, 8 Ogos dan Sabtu 9 Ogos, mulai jam 10.00 pagi.

KA-SOKAN KEBANGSAAN MALAYSIA



Tujuh orang ahli2 sokan Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Isnin yang baru lalu untuk menyertai Sokan Kejuhanan Kebangsaan Malaysia yang ke-47 yang berlangsung hari ini hingga 8 Ogos, di-Stadium City Council, Pulau Pinang.

Ini-lah kali kedua Brunei menyertai kejuhanan sokan tersebut dan pada tahun lalu Brunei telah menghantar tiga orang ahli2 sokan-nya.

Gambar atas menunjukkan ahli2 sokan Brunei itu bergambar ramai di-Lapangan Terbang Berakas sa-jurus sa-belum mereka meninggalkan tanah ayer. Di-sabelah kanan ia-lah Awang Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar (ketua rombongan) dan di-sabelah kiri ia-lah Awangku Ibrahim bin Pengiran Damis (Setiausaha rombongan), sementara ahli2 sokan, dari kiri Zaimal Sanip, Rani Metassan, Rahim Yusof, Sanah binte Tamit, Chang Siew Khyun, Abdullah Mustapha dan Lim Soon Hock.

Ahli2 sokan ini juga akan menyertai Sokan Kejuhanan Kebangsaan Singapura yang akan di-adakan di-Republik itu mulai 15 hingga 17 Ogos akan datang.